

06/07/2000

Jemu menunggu kemudahan telefon

Sang Kelawar

PERKARA yang ingin saya ketengahkan ini bukanlah bertujuan menyinggung mana-mana pihak, hanya sekadar meluahkan rasa kekesalan yang terbuku di hati.

Untuk makluman, baru-baru ini (beberapa bulan sebelum hampirnya pilihan raya 1999) di kawasan tempat tinggal saya, satu projek untuk rakyat iaitu pemasangan tiang telefon, dijalankan. Kami gembira ada pihak yang prihatin terhadap masalah kami terutama dari segi mendapatkan kemudahan perhubungan.

Masalah mendapatkan kemudahan telefon di kawasan kami begitu sukar walaupun sesetengah penduduk sudah pun memperolehnya. Kemudahan telefon awam pula sering dipenuhi oleh belia Felde yang melepak sehingga larut malam. Ini menyebabkan kemudahan telefon awam kerap rosak.

Melihat kerja pemasangan tiang telefon yang rancak dijalankan itu, kami seronok kerana yakin akan memperoleh kemudahan telefon tidak lama lagi. Penantian bertahun-tahun, akan menjelma jua akhirnya. Apatah lagi desas-desus menyatakan talian ke rumah akan dipasang tidak lama lagi. Nama dan alamat rumah sudah pun diberikan kepada pihak terbabit sejak bertahun-tahun dulu.

Apa yang musykil, selesai saja pilihan raya, kerja pemasangan pun terhenti juga. Andaian yang kami buat ialah mungkin kerja pemasangan sudah selesai, hanya menunggu masa talian dimasukkan ke rumah.

Selepas hampir beberapa bulan menunggu, masih tiada khabar berita. Cat pada tiang yang dipasang pun sudah luntur. Dengan perasaan tahu dan ingin menikmati kemudahan seperti orang lain di bandar, saya pergi ke pejabat Telekom terdekat bertanyakan bilakah talian ke rumah akan dipasang? Jawapan yang diterima amat menghampakan. Maklumat yang diberikan kepada saya menyatakan pemasangan tiang itu adalah sekadar gimik politik dan atas arahan tokoh politik tertentu.

Saya sebagai seorang pengundi berasa amat terpukul dengan jawapan itu. Di minda saya mula terfikir apakah saya membuat pilihan yang tepat kerana memilih wakil yang ada? Apakah kerana kebanyakan penduduk di sini golongan yang berpendidikan rendah maka dengan mudah mereka diperolok-olokkan?

Bagaimanapun saya yakin wakil rakyat yang saya pilih tentunya akan menjalankan tanggungjawabnya membangunkan masyarakat dan memberikan kemudahan yang sepatutnya diperoleh rakyat di kawasannya. Ini kerana saya berpegang kepada kata-kata dan amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar setiap wakil rakyat harus menjalankan tanggungjawab membangunkan rakyat bukan hanya mengumpul kekayaan sendiri.

Kepada pihak Telekom khususnya, saya mengharap jawapan yang positif terhadap masalah ini. Seingat saya keluhan penduduk di kawasan saya ini pernah tersiar di akhbar pada tahun lalu. Hakikatnya sampai bila kami harus mengeluh di tengah kerancakan dan kepesatan teknologi maklumat dan segala bentuk teknologi yang ada. Yang pasti kami masih lagi terkial-kial untuk mengejar pembangunan pada alaf baru ini kerana kemudahan telefon yang sepatutnya sudah lama sedia ada di rumah pun sukar diperoleh, inikan pula untuk terbabit sama dalam perkembangan era siber.

Saya mengharap pihak Telekom dapat membuat sedikit penyiasatan kerana di kawasan saya ini berlaku sedikit diskriminasi dalam memberikan talian telefon kerana ada penduduk yang mendaftar lewat tetapi sudah memperoleh telefon sedangkan mereka yang membuat pendaftaran lima atau enam tahun lalu masih tidak mendapatnya.

